

4.0 ASPEK SENI BAHASA

S.P 4.2.1 Memahami dan menggunakan perbandingan semacam dalam komunikasi dan penulisan dengan betul, tepat dan mengikut konteks.

Nama : _____ / **Tingkatan :** _____ **Tarikh :** _____

AKTIVITI :

Isi tempat kosong yang berikut dengan jawapan yang paling tepat.

kapas	keldai	cermin	mayat	siput	gasing
lidi	batu	kura-kura	gergasi	gajah	kilat

1. Robot ciptaanku yang gagah seperti _____ ini mesti memenangi hadiah utama dalam pertandingan mencipta robot pada tahun ini.
2. Terasa lambatnya kereta yang dipandu oleh ayah bak kata orang lambat seperti _____.
3. Rasa kasihnya juga tumpah kepada angsa nenek yang putih macam _____.
4. Binaan badan ROCIM yang berat macam _____ itu membuat ROCIM bergerak perlahan seperti _____.
5. Kekecewaan ini membuatkan aku menjadi malas seperti _____.
6. Peristiwa dia berlari pantas seperti _____ semasa diserang oleh angsa nenek terasa lucu sekali.
7. Amir dan Yusof yang kurus macam _____ pasti tidak mahu bertandang ke rumah nenek lagi.
8. 45 minit kemudian, tiba-tiba mata ROCIM mula berputar ligat seperti _____.
9. Pada dada ROCIM, aku letakkan sekeping kaca tahan lasak yang jernih seperti _____.
10. Wajahnya ketika itu pucat seperti _____.
11. Robotku yang besar macam _____ itu sudah menunjukkan reaksi untuk bergerak.